



KAMPUS

selesa dilengkapi infrastruktur dan lain-lain kemudahan, ramai yang berfikir untuk terus menginap, namun memandangkan ruang terhad, ada yang terpaksa membuat rayuan, dan adakala tidak berpeluang atas faktor-faktor tertentu.

Bagi yang berhasrat memilih rumah sewa, alasan utama adalah kerana kolej penuh, permohonan gagal, tidak layak, serta pelbagai lagi. Ada juga beranggapan kolej kediaman masih ditakuk lama, seolah-olah asrama sekolah peringkat menengah dan rendah, walaupun sama sekali jauh bezanya.

Mengulas isu ini, wartawan Kampus mendapatkan beberapa maklum balas daripada pihak pengurusan universiti yang diwakili Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwat Pelajar dan Alumni, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran, Pegawai Psikologi UITM, Kedah, Azwani Mohd Yazid, Presiden Majlis Tertinggi Mahasiswa Kolej 12, UPM, Mohamad Lukman Adi Mohd Sabri, Naib

Pengerusi Kolej Kediaman Nilai Court, Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), Nur Syafiqah Zakaria dan beberapa pelajar.

Ada yang melahirkkan rasa senang memilih kolej dan tidak kurang pula yang lebih suka dengan penginapan luar kampus. Masing-masing punya pendirian, tetapi apa yang ingin disampaikan adalah keselesaan. Mereka mencari ruang untuk menelaah pelajaran demi kecemerlangan untuk sebuah kejayaan.



Persekitaran kolej yang tenang memudahkan ulangkaji.



Kemudahan di kolej kediaman membantu pembelajaran lebih seronok.

Hidup berdikari

SAYA memilih untuk tinggal di luar. Bukan kerana kolej kediaman tidak bagus. Tapi sebagai kemudahan untuk saya dan rakan-rakan berbincang.

Tinggal di kolej, masa terhad untuk sesi perbincangan sekiranya melihatkan siswi. Kami tidak boleh berada di dalam kawasan siswi dan begitu juga sebaliknya. Bila di kediaman luar, tempat untuk perbincangan boleh diatur ke kawasan lebih terbuka, dan masa juga boleh dilanjutkan.

Bukan tidak berdisiplin, tetapi kadang kala ada tugas yang menuntut komitmen tinggi dan percampuran siswa dan siswi.

Bagi saya ia tidak menjadi masalah jika seseorang pandai bawa diri, tahu batasan pergaulan dan setakat ini kami gembira dengan persekitaran berbincang sambil makan-makan di luar.

Penting juga untuk tinggal di luar selain dari aspek perbincangan, ia sebagai persediaan fizikal dan mental kami melangkah ke alam kerja nanti. Sampai bila kita nak bergantung pada kemudahan kolej sahaja, sedangkan tempat itu terhad, lebih-lebih lagi begitu diperlukan oleh junior yang masih baru dengan persekitaran kampus.

Sebagai siswa, ia juga memudahkan pergerakan saya. Sebab saya tidak perlu terlibat dengan aktiviti untuk kekal terpilih bagi melayakkan diri sebagai penghuni kolej.



SYAZWAN KAMARUL AZMAN Siswa UITM Shah Alam

Jimat dan selamat

PELAJAR UPM lebih cenderung untuk tinggal di kolej kediaman berbanding menyewa di luar kerana bayaran di kolej lebih rendah dan terdapat banyak kemudahan.

Banyak kemudahan pihak universiti sediakan untuk penuntut di dalam kolej, antaranya kafeteria, surau, tempat belajar dengan kemudahan bilik yang selesa dan tidak terlalu ramai yang menghuni dalam sesebuah bilik. Kemudahan pengangkutan bas ke kelas bagi yang tidak mempunyai kenderaan sendiri boleh dikira menjimatkan dari sudut kewangan masa dan tenaga.

Selain itu keselamatan juga terjamin berbanding tinggal di luar. Pergaulan dan kenalan juga bertambah. Ini kerana setiap bilik akan memuatkan rakan-rakan dari pelbagai bidang. Di sini secara tidak langsung kami dapat bertukar-tukar idea untuk membuat tugas sama ada melalui rakan-rakan yang mengikuti program yang sama atau berlainan. Kehadiran senior juga boleh bertukar-tukar nota.

Peraturan yang ketat bukan isu besar. Tidak ada peraturan yang menyusahkan tetapi ia lebih kepada mendidik dan disiplin sahaja. Kolej juga melaksanakan sistem merit untuk memastikan penuntutnya terus menginap atau sebaliknya. Mereka yang tidak aktif dan lebih suka buat hal sendiri dari bercampur dengan yang lain, lebih memilih untuk tinggal di luar kerana faktor kebebasan tanpa batasan.



MOHAMAD LOKMAN ADI MOHD SABRI Presiden Majlis Tertinggi Mahasiswa Kolej 12, UPM.

Penginapan untuk keselesaan

Setiap IPT sedia kemudahan terbaik kepada penuntut



Kemudahan kolej kediaman selalunya diwajibkan bagi penuntut semester satu dan lazimnya pihak IPT tidak akan membiarkan salah satu elemen penting dalam kebajikan mereka ini terabai begitu sahaja. Melihat kemudahan kolej yang begitu

Tetapkan matlamat, pandai bawa diri

PEMILIHAN tempat tinggal bergantung kepada penuntut. Pihak IPT sedia upaya menyediakan kemudahan terbaik kerana itu sudah menjadi tanggungjawab IPT, namun tidak semua berpeluang tinggal di kolej kediaman sehingga tamat belajar.

Pegawai Psikologi UITM Kedah, Azwani Mohd Yazid berkata, usah jadikan isu penempatan sebagai alasan untuk tidak bersemangat menghadiri kelas. "Tinggal di luar banyak cabaran dan risiko, namun jika tiada pilihan, itu keputusan terbaik daripada menginap secara tidak sah," katanya. Kesan positif adalah dari segi kewangan, masa dan tenaga penuntut itu sendiri.

Kolej kediaman selalunya berdekatan bilik kuliah menjadikan masa pembelajaran lebih jimat, juga kewangan, dan pelajar boleh menggunakan kemudahan disediakan universiti sepenuhnya seperti kemudahan bas. "Walaupun di mana lokasi yang kita pilih, pengurusan masa perlu dititik beratkan. Menyewakan rumah memerlukan seseorang lebih berdikari, hidup tanpa pengawasan ibu bapa dan perlu disiplin tinggi," katanya. Mahasiswa juga kena tahu matlamat, pandai bawa diri kerana berkemungkinan tidak semua penghuni adalah kalangan penuntut, jadi corak pergaulan itu sudah berubah. Kena ada sifat hormat-menghormati satu sama lain kerana persekitaran penuntut dan orang yang bekerja berbeza.

Memilih kediaman di luar juga tidak boleh dijadikan alasan untuk bebas. Tetapkan matlamat menjadikan kehidupan untuk menuntut ilmu adalah fokus utama.

Ibu bapa, pelajar puji fasiliti asrama

USAHA Universiti Selangor (Unisel) yang membaik pulih asrama di Kampus Bestari Jaya tahun lalu diakui ibu bapa terdapat banyak perubahan besar.

Kedaaan asrama kini yang lebih kondusif ternyata mengembirakan ibu bapa yang menghantar anak-anak mendaftar masuk ke Unisel.

Sebagai bapa, Jamaludin Johari berkata, perubahan dilakukan dalam menaik taraf kembali asrama Unisel ternyata mempunyai banyak perbezaan berbanding sebelum ini.

Menurutnya, dia gembira dan yakin anaknya dapat belajar dalam suasana lebih selesa. Katanya, asrama kini dilihat lebih cantik setelah dicat baru malah kemudahan disediakan di dalam bilik juga amat lengkap.

"Keadaan sekarang lebih bersih dan memang selesa untuk anak-anak belajar di sini. "Fasiliti pun lengkap malah kafe pun tidak jauh dari bilik," katanya. Selaku ibu, Julia Harun turut bersependapat, asrama kini terdapat



JULIA



NABILA



NOR MAZIATUN

banyak peningkatan kerana dua anaknya sebelum ini pernah menetap di kolej kediaman. Baginya, sememangnya asrama dahulu terdapat sedikit kekurangan namun kini dia sangat berpuas hati dengan apa yang disediakan. "Saya lihat kemudahan di bilik juga lengkap dan baru memang tiada masalah lagi. Anak-anak pun gembira dengan apa yang ada kini," katanya. Bagi dua penuntut baharu mendaftar masuk mengikuti pengajian di Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, Nabila Jaharudin dan Nor Maziatun Mohd Asri, mereka memuji keadaan asrama.

Nabila menyifatkan bukan sahaja kemudahan di dalam bilik tetapi fasiliti yang ada dalam kampus juga serba lengkap. "Kalau kita lihat fasiliti untuk bersukan juga ada di dalam kampus dan asrama. "Ini membolehkan kami menjalankan aktiviti riadah," katanya. Nor Maziatun berkata, dia mengetahui tentang perbezaan ketara dan kemudahan baharu itu melalui kakaknya yang pernah tinggal di asrama. "Selepas baik pulih nampak perbezaan sangat ketara, dan lebih cantik," katanya.

Kolej lebih baik

ANYAK kelebihan tinggal di kolej kediaman berbanding rumah sewa. Bertam dari segi rak untuk ke kuliah. Emandangkan kolej kediaman berada dalam impus, ia memang menyenangkan, lebih-lebih lagi siswi.

Tinggal di kolej juga jimat duit dan swa-siswi lebih dididik dengan persekitaran pembelajaran.

aktiviti yang dianjurkan juga banyak membantu penuntut lebih berdikari berbanding di luar yang perlu pandai pilih rakan serumah. Salah pilih rakan boleh mendatangkan masalah besar, terutama jika embabitkan mereka yang sudah berkerjaya. "Untuk siswi, saya galakkan tinggal di kolej kediaman kerana ia dilengkapi dengan pelbagai asarana. Kolej kini selesa dan mampu menyaingi rumah sewa. Di kolej Nilam Court sendiri, ia boleh memuatkan lebih kurang 1,500 penuntut daripada bilagai latar belakang dan keutamaan pada siswasi tahun satu. "Secara peribadi, saya menyokong tindakan swa-siswi yang menjadikan kolej sebagai pilihan utama dan jika betul-betul tidak layak, barulah mencari rumah sewa," katanya.



NUR SYAFIQAH ZAKARIA Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kolej Kediaman Nilam Court 2015, Usim.

Pemantauan berterusan dari pihak universiti

MENURUT Mohammad Shatar, UPM menyediakan 17 kolej kediaman sebagai kemudahan untuk mahasiswa yang boleh memuatkan sehingga 3,000 orang. Majoriti kini masih memilih kolej sebagai kediaman tetapi tidak dinafikan terpaksa mencari alternatif rumah sewa sebagai tempat tinggal bagi yang sudah masuk tahun dua dan seterusnya.

"Hanya 10 hingga 15 peratus yang ketika ini lebih suka memilih kediaman di luar, dan situasi ini adalah kerana ruang juga terhad," katanya. Tambahnya, kolej kediaman ketika ini dilengkapi pelbagai kemudahan, dan UPM sendiri turut menyediakan bilik bertaraf lima bintang bagi yang berkemampuan. "Kadar sewa yang berstatus lima

bintang ini mengenakan caj RM20 sehari, dan ia juga tidak banyak, namun bagi yang inginkan ruang eksklusif, pihak universiti mampu penuhi hasrat mereka, kemudahan baharu ini akan diperkenalkan September tahun ini," katanya. Beliau berkata, siswa-siswi hari ini sebolehnya merebut peluang untuk mendapat kemudahan kerana bayaran yang dikenakan tidak begitu membebankan berbanding rumah sewa. Begitu juga soal ruang pembelajaran. "Ruang belajar yang selesa adalah



MOHAMMAD SHATAR

keutamaan jika ingin mencari kediaman. Di kolej, ruang untuk studi disediakan, begitu juga untuk aktiviti riadah, menonton televisyen, pusat kecerdasan, dan lain-lain," katanya. Kelebihan lain secara tidak langsung adalah melatih mahasiswa lebih bertanggungjawab. Ini kerana, hanya di kolej mereka dididik dengan pelbagai aktiviti yang menyumbang kepada sahsiah lebih baik. Kolej menyediakan modul yang boleh membentuk akhlak, asah semangat kepimpinan, dan pupuk semangat setia kawan dan integriti.

Selesa untuk belajar

BAGI saya, penuntut sekarang lebih cenderung tinggal di kolej kediaman kerana salah satu faktornya adalah kos sara hidup tinggi.

Tinggal di kolej kediaman, semua kelengkapan disediakan. Bayaran kolej kediaman juga boleh dikatakan mampu dibayar berbanding bayaran bulanan rumah sewa. Selain itu, jika dilihat pada faktor keselamatan, tinggal di kolej kediaman adalah lebih terjamin.

Namun, ada beberapa faktor yang perlu kita lihat, iaitu kawasan dan jarak. Ada sesetengah universiti menyediakan kolej kediaman yang jauh dari bilik kuliah. Jika faktor ini diambil kira, adalah baik untuk memilih tinggal di rumah

sewa yang berdekatan dengan kampus/universiti. Kemudahan di kolej kediaman adalah seperti kelengkapan di rumah. Tambahan pula, jika berlaku kerosakan, kita boleh membuat aduan di bahagian pejabat kolej kediaman dan tiada sebarang kos yang perlu dikeluarkan oleh penuntut untuk membaiki kerosakan tersebut berbanding rumah sewa.

Selain itu, bil air dan elektrik juga tidak perlu dibayar kerana semua telah dirangkumkan dalam yuran penginapan



IZZAH SYAHIRA BAHARUDIN Penuntut Usim

Cuma ada sesetengah universiti, kolej kediamannya terhad menyebabkan pihak universiti mengenakan syarat. Hal ini menyebabkan penuntut itu sendiri perlu bersaing antara satu sama lain bagi merebut peluang tersebut.